

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP
KEJOHANAN SUKAN KKLW 2016**

**ANJURAN KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH (KKSCKLW)**

KOMPLEKS RAKAN MUDA, BERA

**KHAMIS, 26 MEI 2016
WAKTU KETIBAAN : 9.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Wbt dan Salam sejahtera.

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
KSU KKLW

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
TKSU Perancangan

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus
TKSU Pembangunan

Yang Berusaha Encik Jamalludin bin Kasbi
SUBK (Khidmat Pengurusan)
Merangkap Pengerusi KKSKKLW

Setiausaha-setiausaha Bahagian

AJK KKSKKLW

Seterusnya Ahli Kelab KKSKKLW

MUKADIMAH

1. Pertamanya, syukur ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia dan 'inayahNya dapat kita sama-sama hadir berkumpul di Majlis Penutup Kejohanan Sukan KKLW tahun 2016 pada pagi ini. Sesungguhnya, ini merupakan satu acara yang baik kerana kita masih diberikan kesihatan dan kesejahteraan untuk melaksanakan tugas, tanggungjawab dan dalam masa yang sama dapat menjalankan aktiviti sukan yang dipertandingkan.

2. Saya dimaklumkan bahawa, KKLW melalui Kelab Kebajikan dan Sukannya (KKS KKLW) telah melaksanakan pelbagai aktiviti sukan sempena Kejohanan Sukan KKLW 2016 ini. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah atas usaha yang dicurahkan oleh semua pihak bagi menjayakan Kejohanan Sukan ini. Semestinya penganjuran kejohanan ini menuntut komitmen padu dan pengorbanan semua pihak bagi memastikan kelancaran sepanjang kejohanan ini berlangsung bermula 9 April 2016 sehingga 21 Mei 2016.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kejohanan seperti ini merupakan wadah untuk memupuk budaya bersukan di kalangan penjawat awam. Pendedahan seperti ini perlu dilaksanakan berterusan supaya impaknya nanti dikecapi dan seterusnya dapat meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan serta melahirkan atlet yang berpotensi dan hebat. Sesungguhnya, akal yang sihat hadir daripada badan yang cergas. Kata-kata ini membuktikan betapa pentingnya aturan hidup disulami dengan aktiviti sukan yang akhirnya akan mengharmonikan setiap perjalanan hidup seseorang itu.

4. Saya menyokong penuh penganjuran program-program seperti ini dan seharusnya mendapat penyertaan semaksimum yang mungkin daripada ahli KKS KKLW. Ini kerana, program yang dianjurkan bukan sahaja menguji kekuatan mental dan fizikal, malah dapat memupuk sifat kerjasama, selari dan berjalan seiring dengan usaha kita memartabatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar sebagai sebuah kementerian yang memperjuangkan pembangunan dan kesejahteraan penduduk luar bandar secara menyeluruh.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Rebutlah peluang seperti ini kerana kejohanan sebegini dapat memupuk nilai-nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan diri kita seterusnya membentuk modal insan yang berkualiti. Di samping itu, kejohanan ini juga akan mempamerkan semangat kesukanan dan daya juang yang tinggi. Gunakanlah kesempatan yang ada untuk mengukur keupayaan diri masing-masing.

6. Justeru, harapan saya agar KKS KKLW dapat meneruskan lebih banyak aktiviti-aktiviti sebegini seterusnya dapat memberi peningkatan nilai, kemahiran dan kerjasama yang baik, sudah pasti akan memantapkan lagi usaha dan kerja-kerja yang sedang kita laksanakan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kepada yang menang, sekalung ucapan tahniah dirakamkan dan kepada yang kalah jangan cepat berputus asa, tidak mengapa kerana sesungguhnya jadikan kekalahan hari ini sebagai titik permulaan kearah kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

8. Selaras dengan hasrat dan tujuan Kejohanan Sukan ini bagi mencungkil bakat dan potensi peserta untuk mewakili KKLW dalam Kejohanan Sukan MAKSPEN yang akan diadakan pada tahun 2017 nanti, saya berharap agar pemain yang bakal mewakili Kementerian nanti dapat memberi komitmen dan seterusnya berusaha mendapatkan pingat untuk KKLW. Selain itu, diharap agar kita semua dapat menyokong program-program yang dirancang oleh KKS KKLW dan gunakanlah juga kesempatan ini untuk berkenal-kenalan dan mengeratkan hubungan. Ini penting ke arah memastikan kerjasama sesama kita terus erat, kukuh dan berpanjangan.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur iaitu KKSKKLW.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.